© Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia

ASIAN PENDIDIKAN
ISSN: 2735-2331, e-ISSN: 2805-4350
DOI: https://doi.org/10.53797/aspen.v4i1.3.2024

Kompetensi dan Kekangan Guru Novis Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah

(Competence and Constraints of Novice Teachers in Teaching and Learning Moral Education in Secondary Schools)

Thambu, Nadarajan[1*]

[1]Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author: nada@fsk.upsi.edu.my

Received 28 May 2024; Accepted 27 June 2024; Available online 27 June 2024

Abstract: Moral Education's teaching and learning process at school is the essence of producing individual students who have moral reasoning, emotions and behaviour. In this relationship, the novice teacher is also an important factor that translates the content of the Moral Education curriculum for students to understand and learn. Novice teachers are also not exempt from the responsibility to make every student a moral person. Thus, this study was conducted on novice teachers who teach the subject of KSSM Moral Education in government day secondary schools with their students. A total of 18 study participants consisting of novice teachers who teach form 1 to form 5 and students from form 1 to form 5 were involved in the study, which was carried out qualitatively. Teachers who are participants in the study are those who have served for less than 5 years. Data was collected through observation, interviews and journal entries. The data collected from these three methods were analyzed using thematic analysis techniques. The study results show that novice teachers are still less competent in carrying out Moral Education's teaching and learning tasks in secondary schools. They are still wallowing in various problems involving their attitudes, pedagogical content knowledge, teaching strategies, problems involving students and a less conducive school environment.

Keywords: Competence, novice teacher, teaching and learning, moral education, KSSM

Abstrak: Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menjadi intipati untuk melahirkan individu murid yang mempunyai penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Dalam hubungan ini, guru novis juga menjadi faktor penting yang menterjemahkan kandungan kurikulum Pendidikan Moral untuk difahami dan dipelajari oleh murid. Guru-guru novis juga tidak terlepas daripada tanggunjawab untuk melahirkan setiap murid menjadi insan bermoral. Justeru, kajian ini dijalankan terhadap guru-guru novis yang mengajar subjek Pendidikan Moral KSSM di sekolah menengah harian kerajaan bersama-sama murid mereka. Seramai 18 orang peserta kajian yang terdiri daripada guru-guru novis yang mengajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dan murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 terlibat dalam kajian yang dilaksanakan secara kualitatif. Guru yang menjadi peserta kajian ialah mereka yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan catatan jurnal. Data yang dikumpul daripada ketiga-tiga kaedah ini dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tema. Hasil kajian menunjukkan guru-guru novis masih kurang kompeten dalam melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Mereka masih bergelumang dalam pelbagai masalah yang melibatkan sikap diri sendiri, pengetahuan kandungan pedagogi, strategi pengajaran, permasalahan yang melibatkan murid dan persekitaran sekolah yang kurang kondusif.

Kata Kunci: Kompetensi, guru novis, pengajaran dan pembelajaran, pendidikan moral, KSSM

1. Pengenalan

Kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia digubal sebagai suatu usaha untuk mendidik dan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan moral, berperwatakan mulia, berkarakter, berakhlak dan memiliki semangat patriotik (Thambu, 2020) terhadap negara tercinta. Murid yang dihasilkan juga mampu mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat

*Corresponding author: nada@fsk.upsi.edu.my
https://www.arsvot.org/ All right reserved

berbilang kaum di negara ini. Aspirasi ini boleh dicapai dengan mengupayakan murid menguasai kandungan kurikulum Pendidikan Moral yang mengandungi aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran (KPM, 2018). Unsur kandungan kurikulum tersebut perlu dilaksanakan secara bersepadu dan terancang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) ini. Oleh itu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral merupakan dokumen yang wajib dirujuk oleh guru untuk mengajar mata pelajaran ini bagi mencapai hasrat tersebut.

Antara matlamat transformasi kurikulum pendidikan daripada sistem KBSM kepada KSSM ialah bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi (KPM, 2015). Kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Moral juga telah digubal untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral. Murid yang dilahirkan juga diharap dapat memberikan sumbangan ke arah pencapaian perpaduan, kesejahteraan negara dan masyarakat global (Mokhtar et al., 2019).

Elemen standard pentaksiran di dalam DSKP Pendidikan Moral sekolah menengah diwujudkan untuk mentaksir pencapaian murid secara berterusan dalam mengenal pasti tahap penguasaan ketiga-tiga dimensi moral. Setelah pencapaian murid dikenal pasti, guru juga diharapkan dapat membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid (Mokhtar et al., 2019). Tugas guru kini bukan sahaja berhenti setakat memberikan markah setelah mengajar sesuatu topik pengajaran, tetapi lebih dari itu; untuk memastikan murid benar-benar menguasai sesuatu topik pengajaran secara menyeluruh. Ternyata peranan guru kini bukan sahaja setakat mengajar atau "mengejar sukatan" untuk diselesaikan, tetapi lebih kepada tanggungjawab untuk memastikan murid dapat menguasai segala kandungan yang diterjemahkan daripada DSKP melalui buku teks Pendidikan Moral secara tekal.

Justeru, guru menjadi faktor penting dalam kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral KSSM di sekolah. Antara harapan lain kementerian terhadap guru yang tamat latihan perguruan di universiti ialah menggunakan kemahiran yang diperoleh semasa menuntut untuk dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Mereka digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti menggunakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pembelajaran Aktif, Pembelajaran Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Khidmat Masyarakat dan Pembelajaran Berasaskan Projek (KPM, 2016). Hal ini penting agar murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Selain itu, guru Pendidikan Moral juga diminta untuk memberikan penekanan kepada penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kepada murid. Guru diminta untuk menterjemahkan unsur KBAT yang dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit ke dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid (KPM, 2017).

2. Sorotan Kajian

2.1 Kompetensi Guru

Kompetensi atau kecekapan adalah istilah yang digunakan secara meluas oleh pelbagai pihak dalam pelbagai konteks yang berbeza. Dalam konteks pendidikan, pendidikan guru dan prestasi kerja ialah dua konteks di mana istilah ini sering digunakan. Kompetensi juga dikaitkan dengan tiga domain utama seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap guru (Archer & Hughes, 2011). Ketiga-tiga domain ini boleh diperhatikan, dibuktikan dan boleh diukur. Kecekapan mengajar misalnya, memerlukan jumlah pengetahuan, kemahiran dan sikap. Ternyata kompetensi ialah keperluan "berasaskan kecekapan" dan termasuk pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu ditunjukkan oleh guru pelatih ataupun guru dalam perkhidmatan dalam profesion keguruan (Zamri & Hamzah, 2019).

Selain itu, kompetensi guru juga merujuk kepada cara yang betul untuk menyampaikan unit pengetahuan, aplikasi, dan kemahiran kepada murid. Guru yang cekap juga akan mewujudkan keadaan dan iklim bilik darjah, yang kondusif untuk pembelajaran murid (Hassan & Shkak, 2020). Antara kompetensi yang harus dimiliki oleh seseorang guru ialah pengetahuan kandungan dalam mata pelajaran yang diajar dan perancangan pengajaran yang efisien. Guru juga wajar memiliki kemahiran penyampaian isi pembelajaran, kecekapan dalam penilaian serta pentaksiran dan kemahiran pengurusan bilik darjah. Selain itu, seseorang guru juga harus mempunyai kompetensi dalam memotivasikan murid (Cornelius-White, 2007).

Menurut, Wenglinsky (2002), kompetensi teras yang perlu ada pada setiap guru terlatih ialah amalan profesional, kepimpinan dan pengurusan (leadership and management), dan keberkesanan peribadi (personal effectiveness). Seorang guru yang cekap merebut setiap peluang untuk menggalakkan pembelajaran. Mereka percaya bahawa semua murid boleh belajar dan pembelajaran tidak terhad kepada bilik darjah. Guru yang berwibawa juga merupakan seorang pemimpin yang memenangi hati dan minda murid (Yeh, 2007). Guru sedemikian melihat nilai dalam membangun dan bekerja dengan orang lain, termasuk ibu bapa dan rakan sekerja. Di samping itu, guru yang baik memahami kepentingan mengembangkan diri sebelum dia mampu memberikan sokongan kepada orang lain. Sebagai seorang profesional, guru ini mengekalkan standard integriti peribadi dan profesional yang tinggi semasa menjalankan semua tugas dan tanggungjawab di sekolah (White, 1988).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Standard Guru Malaysia 2.0, (SGM) boleh digunakan sebagai satu set kriteria kompetensi minimum yang ditunjukkan dalam perlaksanaan kerja guru (Makhsin et al., 2022). Standard Guru Malaysia merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, yang terdiri daripada dua komponen iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi menjelaskan kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Manakala etika keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat (Hassan & Musa, 2020; KPM, 2020).

Tuntasnya, kompetensi guru termasuklah perkara yang berkaitan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Puteh (2016), mengenal pasti beberapa kompetensi minimum bagi guru terhadap lima komponen yang sepatutnya kompeten. Lima komponen itu ialah kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion.

2.2 Guru Novis

Istilah novis bermaksud baharu atau boleh dirujuk kepada orang yang baru bekerja dan mereka tidak mempunyai pengalaman. Guru novis merupakan guru yang baru tamat kursus perguruannya dan baru sahaja menamatkan latihan perguruan. Mereka belum mempunyai sebarang pengalaman yang mendalam tentang bidang perguruan dan masih perlu banyak belajar serta menyesuaikan diri (Mazni, 2000). Guru novis mempunyai pengalaman mengajar yang singkat. Selain itu, guru novis juga adalah guru baharu yang terlatih dalam profesion perguruan, baharu dalam perkhidmatan, juga baharu dalam aspek pengajaran, kurikulum, kokurikulum, pengurusan dan pentadbiran kelas (Goh et al., 2017).

Kasim dan Abdurajak (2018), menyatakan bahawa kajian yang meluas telah sering dijalankan tentang guru novis terutamanya dalam membandingkan kebolehan dan keupayaan mereka dengan guru yang berpengalaman. Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru novis di dalam kelas dan luar kelas, hubungan sosial guru novis dengan guru-guru lain dan pentadbir serta tugas pentadbiran yang perlu dilakukan di luar waktu PdPc merupakan antara isu yang sering dibincangkan (Kasim & Abdurajak, 2018).

Orgovanyi-Gadjos (2015), mendapati pengetahuan dan pengalaman guru novis ketika dalam institusi latihan pendidikan guru tidak sama dengan realiti kelas yang sebenar menyebabkan kebanyakan daripada mereka mengalami kesukaran dalam mengadaptasi keadaan itu. Hal ini kerana, guru novis perlu berdepan dan menguruskan situasi sebenar yang belum pernah dialami oleh mereka semasa berada dalam latihan pendidikan guru (Kasim & Abdurajak, 2018). Peranan mereka tidak hanya terhad kepada pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), tetapi mereka perlu memastikan bahawa murid dapat memenuhi harapan negara yang menginginkan pendidikan yang holistik.

Hisham dan Kutty (2021), melaksanakan kajian tinjauan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dan tahap pengurusan emosi guru novis. Kajian ini dijalankan di 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah daripada tiga buah daerah di negeri Melaka iaitu daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Seramai 219 orang guru novis dari 100 buah sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Melaka telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan guru novis dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan tahap pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi guru novis.

Menurut Boharim dan Wahab (2023), guru novis boleh menggunakan strategi "sokongan perubahan" untuk mengatasi tekanan emosi sebagai guru baharu di sekolah. Terdapat empat langkah dalam strategi sokongan perubahan iaitu mengukuhkan keraguan, mencabar pemikiran negatif, memperbaharui amalan dan mencapai kompetensi. Menurut mereka, dapatan melalui kajian terdahulu menunjukkan guru-guru novis ada menggunakan strategi sokongan perubahan dalam mengatasi tekanan emosi mereka di sekolah. Sokongan perubahan yang baik mempengaruhi emosi dan kualiti kerja guru-guru novis (Boharim & Wahab, 2023). Kesimpulannya, strategi sokongan perubahan boleh digunakan sebagai salah satu cara dalam mengatasi tekanan emosi guru novis di sekolah.

2.3 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran ialah satu proses penyampaian maklumat atau ilmu pengetahuan oleh guru kepada murid. Melalui proses pengajaran guru bertindak untuk membimbing dan membantu proses pembelajaran murid. Istilah pengajaran (*teaching*) juga dikenali dengan kata instruksi (*instruction*), iaitu proses pengajaran dan pemudahcaraan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru untuk mencapai objektif pembelajaran yang dirancang dalam satu unit pengajaran. Dalam pada itu, pembelajaran pula ialah proses seseorang murid membina pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai hasil daripada interaksi dengan individu seperti ibu, bapa, rakan sebaya, guru serta persekitaran sosial dan budaya.

Syarifah Alwiyah Alsagoff (1976), pula menyatakan pedagogi sebagai ilmu yang menerangkan tentang kaedah pengajaran. Sementelahan itu, pedagogi dapat disimpulkan sebagai segala inisiatif yang ditangani oleh guru secara langsung atau tidak langsung untuk mengajar sesuatu pengetahuan atau kemahiran kepada murid agar pengetahuan dan kemahiran yang diajar menjadi satu nilai tambah dalam proses perkembangan seseorang individu menjadi manusia.

Dalam hubungan ini, istilah seperti teknik, pendekatan, strategi, dan kaedah adalah menjurus kepada disiplin pedagogi itu sendiri.

Oleh itu, guru perlu menggunakan cara pengajaran yang paling efektif untuk pembelajaran murid yang maksimum. Pembelajaran menjadi efisien apabila murid mempunyai peluang untuk berfikir, memberikan sebab-musabab dan berhujah tentang pemahaman mereka. Guru mampu mencipta peluang ini dengan menggunakan pedagogi, strategi, kaedah atau teknik yang sesuai. Dalam memberikan takrifan pedagogi Alexander (2004) menjelaskan:

> "*Pedagogy is the act of teaching together with its attendant discourse. It is what one needs to know, and the skills one needs to command, in order to make and justify the many different kinds of decisions of which teaching is constituted*" (p. 11).

Hickman (2011), juga bersetuju dengan Alexander (2013; 2004) bahawa pedagogi sebagai tindakan pengajaran oleh guru yang melibatkan penyertaan murid dalam perbincangan atau wacana ilmiah yang mengandungi idea, nilai dan sejarah. Manakala Lusted (1986), menyifatkan pedagogi sebagai satu transformasi kesedaran yang melibatkan tiga agensi iaitu guru, murid, dan pengetahuan yang diperoleh oleh mereka hasil interaksi tersebut. Bagi Marzano, (2007), pedagogi ialah sains atau seni pengajaran.

Aspek seni pengajaran (the art of teaching) wujud apabila seseorang individu mampu menggabungkan pengetahuan kandungan dan kemahiran pengajaran yang dipelajari dengan keupayaan, perwatakan dan personaliti diri mereka (Ebert & Culyer, 2014). Asimilasi pengetahuan kandungan dan skil pengajaran ini akan mewujudkan satu gaya pedagogi yang tersendiri dan unik bagi seseorang guru. Oleh sebab itu, agak sukar bagi kita untuk melihat dua orang guru yang memiliki gaya pedagogi atau pengajaran yang serupa. Moore dan Whitfield (2008), menyatakan seni pengajaran ini hanya boleh dikembangkan oleh guru melalui penglibatan yang aktif dalam kursus-kursus pendidikan guru yang mementingkan refleksi diri, perbualan dan diskusi yang reflektif.

Di samping itu, ada juga yang berhujah bahawa pengajaran tidak dapat dipinggirkan daripada kandungan sains, kerana aspek seperti latihan mengajar perlu dikaji secara saintifik sebelum diimplementasikan terhadap tingkah laku manusia (Fielstein & Phelps, 2001). Guru juga perlu mengajar kandungan kurikulum melalui kaedah inkuiri dan pendekatan saintifik untuk meningkatkan aras pemikiran murid. Malahan perkembangan yang pesat dalam bidang pendidikan dan latihan keguruan dalam dasawarsa ini juga adalah hasil penyelidikan yang menggunakan metodologi saintifik. Justeru, alasan-alasan ini pengajaran dilihat dan dijulang dari perspektif kuantitatif (Fielstein & Phelps, 2001).

Gagne (1985), menegaskan bahawa terdapat asas saintifik dalam seni pengajaran. Ebert dan Culyer (2014), pula menyatakan pedagogi sebagai seni dan sains pengajaran. Proses pengajaran dikatakan sebagai seni kerana pengajaran menitikberatkan falsafah, gaya, dan sikap dalam memberikan pengalaman pendidikan kepada murid. Dalam pada itu, pemikiran, pemahaman dan psikologi yang terlibat dalam proses untuk menyediakan pendidikan yang sesuai dan tepat pula dikatakan sebagai ciri-ciri sains dalam pengajaran. Menurut Moore (2014; 1995), guru harus memainkan peranan sebagai ahli sains dan pengamal seni pengajaran berasaskan nilai kemanusiaan. Bagi Sulaiman (2004), pedagogi ialah seni dan sains pengajaran yang menerangkan prinsip, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya pembelajaran dan kawalan bilik darjah. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa, ciri seni dan ciri sains teradun dalam konsep pedagogi.

2.4 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Moral

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dirangka berasaskan kepada enam tunjang. Keenam-enam tunjang tersebut ialah, (i) komunikasi (ii) kerohanian, sikap dan nilai (iii) kemanusiaan (iv) keterampilan diri (v) perkembangan fizikal dan estetika dan (vi) sains dan teknologi (KPM, 2015). Kesemua enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain. Enam tunjang ini juga disepadukan dengan konsep pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan untuk melahirkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif (KPM, 2016). Ternyata, kurikulum Pendidikan Moral digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.

Pendidikan Moral dalam KSSM mempunyai matlamat untuk membina insan berakhlak mulia dan berintegriti. Murid yang bakal dilahirkan diharap mampu berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral, menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (KPM, 2017). Fokus utama KSSM Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhlak mulia. Pembentukan insan yang berakhlak mulia seperti yang diharapkan dalam matlamat kurikulum Pendidikan Moral boleh dicapai dengan mengintegrasikan ketiga-tiga domain seperti domain penaakulan, domain emosi dan domain perlakuan moral (KPM, 2018).

Domain penaakulan moral mempunyai pengertian sebagai keupayaan mental individu untuk menaakul dalam situasi yang mempunyai konflik nilai demi mengenal pasti perlakuan yang baik dan benar atau perlakuan yang buruk atau salah (KPM, 2015). Individu yang memiliki keupayaan mental berpotensi untuk merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral sebaik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berpaksikan prinsip-prinsip moral sejagat. Manakala domain emosi moral pula boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang boleh mencetuskan kesedaran emosi atau "celik emosi" dalam kalangan individu. Emosi yang celik dapat menghayati unsur "moral" yang menjadi asas dalam melahirkan sikap kepedulian serta hati nurani insani yang menyebabkan seseorang individu berasa gembira apabila membuat sesuatu yang benar dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang bathil. Emosi moral juga dapat melahirkan motivasi moral dan

niat untuk bertindak berdasarkan simpati serta empati terhadap diri dan orang lain. Emosi moral ini boleh diekspresikan dalam bentuk luahan perasaan, fikiran, gerak geri dan raut wajah (KPM, 2016).

Sementara itu, domain perlakuan moral adalah aksi atau tindakan bermoral seseorang individu. Seseorang individu yang mempunyai emosi moral akan mampu menaakul sesuatu isu secara bermoral. Penaakulan dan emosi moral akan mendorong individu untuk bertindak secara bermoral. Perlakuan atau tindakan moral akan dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan integriti moral (KPM, 2017).

Ketiga-tiga domain tersebut (penaakulan, emosi dan perlakuan) perlu dikembangkan secara bersama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. Sehubungan itu, ketiga-tiga domain tersebut perlu diaplikasikan bersama dengan 18 nilai universal yang menjadi wahana bagi menghasilkan insan yang berakhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia. Justeru, guru Pendidikan Moral perlu memastikan bahawa nilai tersebut dapat diterapkan, dihayati dan diamalkan dalam kalangan murid sekolah menengah. Dengan itu, murid yang mempelajari Pendidikan Moral dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu remaja atau dilema moral yang dihadapi oleh mereka dengan mengaplikasikan nilai tersebut (KPM, 2017, 2018).

3. Metodologi

Kajian ini dilaksanakan dalam reka bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Peserta kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan (Richards & Morse, 2007) atau (*purposive sampling*). Seramai 9 orang guru novis Pendidikan Moral pelbagai bangsa dan jantina dipilih dari tiga buah sekolah untuk dijadikan peserta kajian. Mereka terdiri daripada 4 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta perempuan. Selain itu, seramai 9 orang murid dipilih dari tiga buah sekolah iaitu 4 orang murid lelaki dan 5 orang murid perempuan.

Tiga instrumen kajian iaitu protokol pemerhatian dalam bilik darjah, protokol temu bual dan protokol catatan jurnal digunakan untuk mengutip data. Kesahan kandungan instrumen telah diperoleh melalui komen dan kritikan daripada pakar dalam bidang pedagogi dan Pendidikan Moral. Teknik pemerhatian tidak turut serta digunakan untuk mengutip data pemerhatian. Manakala teknik temu bual kumpulan berfokus dengan soalan-soalan temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengutip data temu bual (Creswell & Creswell, 2017). Teknik analisis tema yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006) digunakan untuk menganalisis data. Sebanyak 9 jurnal penulisan reflektif daripada guru telah dikumpul pada akhir minggu ke 10. Selain itu, 9 temu bual transkripsi dan 9 set nota pemerhatian turut dikumpul daripada guru untuk dianalisis. Manakala 9 catatan jurnal murid, 9 transkripsi temu bual dan 9 set nota pemerhatian murid juga telah dikumpulkan untuk dianalisis.

Melalui teknik tematik, skema pengekodan dapat dipandu oleh soalan kajian, yang menyediakan tema utama dan pengekodan utama. Dua fasa pengekodan (pengekodan terbuka dan pengekodan paksi) digunakan dalam proses mengenal pasti korelasi data dalam idea, kategori dan tema secara kualitatif (Braun & Clarke, 2006). Setiap pengekodan dan pernyataan yang diperoleh daripada sumber transkripsi kemudiannya disahkan. Selepas itu kod kecil (atau tema) telah dihasilkan daripada kategori utama. Triagulasi digunakan untuk semakan silang dan pengesahan data (Passi & Mishra, 2004). Dapatan kajian dikategorikan mengikut beberapa tema untuk dipersembahkan dalam penulisan ini.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Pengetahuan Kandungan Pedagogi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru novis masih kurang menguasai pengetahuan kandungan pedagogi (*Pedagogical Content Knowledge*), kandungan buku teks dan DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) Pendidikan Moral. Mereka tidak dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang fakta-fakta yang ada dalam satu-satu unit pengajaran yang terdapat dalam Buku Teks Pendidikan Moral KSSM. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik:	Adakah cikgu guru opsyen Pendidikan Moral? Apa masalah utama dalam PdP Pendidikan Moral?
Guru:	Ya., saya adalah guru opsyen Pendidikan Moral dari universiti. Ehmm…sudah dua tahun saya mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah ini. Saya mengajar tingkatan 3 dan 4 kerana tiada guru Pendidikan Moral. Sebagai guru baharu, saya juga masih tidak mahir lagi dalam menguasai istilah seperti "insan peribadi mulia", "altruisme", "empati moral", "motivasi moral" dan seperti "domain moral". Saya perlu belajar lagi kandungan moral dan tak boleh bergantung sangat kepada Buku Teks. Saya perlukan bacaan yang lebih luas. [TB/GPM/Tg4/23].
Penyelidik:	Mengapa cikgu sukar memahami konsep-konsep moral ini?
Guru:	Saya tidak mengambil subjek Pendidikan Moral di sekolah. Saya tidak ada pengalaman sebagai murid Pendidikan Moral dari darjah 1 hingga tingkatan 5, di sekolah. Saya rasa kursus Pendidikan Moral selama 4 tahun di universiti berkesan., tapi ia masih tak cukup juga. Guru sendiri perlu berusaha untuk mendalami kandungan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Pengetahuan ini akan memudahkan pengajaran guru di sekolah. [TB/GPM/Tg1/23].
Penyelidik:	Adakah pengetahuan dalam teori, psikologi dan falsafah moral penting kepada guru?

Guru: Bagi saya., pengetahuan tentang teori, psikologi dan falsafah moral penting untuk guru. Dalam buku teks Pendidikan Moral KSSM, aspek ini tidak banyak disentuh. Jika ada pun… ia dimasukkan secara tersirat sahaja. Guru juga perlu tahu teori dan falsafah moral. Pada pandangan saya, teori, psikologi dan falsafah moral mampu memberikan pengetahuan dan pemahaman kepada guru untuk menangani sikap dan tingkah laku moral murid…[TB/GPM/Tg4/23].

Penyelidik: Pada pandangan cikgu, adakah DSKP penting sebagai rujukan guru?

Guru: DSKP ya., Saya rasa DSKP memang penting. Tapi saya jarang rujuk DSKP Pendidikan Moral. Saya mengajar menggunakan Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 2. Saya rasa ini sudah cukup, kerana apa-apa yang ada dalam DSKP juga ada dalam Buku Teks. Strategi yang biasa saya gunakan ialah perbincangan kumpulan dan teknik soal jawab. Saya akan mengajar dengan menggunakan nota melalui *power point* di bilik darjah. [TB/GPM/Tg2/23].

Selain itu, hasil pemerhatian oleh penyelidik juga menunjukkan ramai juga guru novis yang tidak dapat menjawab soalan-soalan murid secara tepat. Misalnya ada guru yang tidak dapat menjawab dengan tepat perbezaan "hak sebagai ibu" dan "hak sebagai wanita". Masalah ini ketara terhadap guru-guru Pendidikan Moral yang tidak ada pengalaman sebagai murid yang mengambil subjek Pendidikan Moral sewaktu mereka berada di sekolah. Guru-guru juga tidak dapat menangani karenah murid-murid yang hiperaktif dan banyak tanya soalan di dalam kelas. Senario ini juga membuktikan bahawa guru-guru novis juga kurang mempunyai pengetahuan dalam teori dan psikologi perkembangan moral. Hal ini menjejaskan sedikit sebanyak kepercayaan murid terhadap guru. [P/GPM/Tg2/23].

Justeru, hasil kajian menunjukkan guru-guru novis masih tidak dapat menguasai kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral. Selain itu, mereka juga tidak menguasai beberapa istilah khusus Pendidikan Moral, menyebabkan kerap kali mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh murid. Sudah tiba masanya guru Pendidikan Moral untuk meluaskan pembacaan, khususnya dalam bidang teori, falsafah dan psikologi perkembangan moral. Konsep pembelajaran sepanjang hayat perlu diteruskan oleh guru-guru novis dan mereka tidak boleh berpuashati dengan pengetahuan yang diperoleh sewaktu menuntut di universiti sahaja. Mereka perlu mendepani cabaran untuk menangani murid-murid abad ke-21 ini dengan penguasaan pedagogi dan pengetahuan kandungan atau *pedagogical content knowledge* (PCK). Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Fortsch et al. (2016) dan Kunter et al. (2013), bahawa Pengetahuan Kandungan Pedagogi (PCK) mempunyai perkaitan positif melalui iklim yang menyokong ke arah minat pelajar.

Selain itu, guru-guru novis juga perlu mengetahui teori, psikologi perkembangan moral dan falsafah moral. Hal ini penting kepada mereka untuk memahami cara menyelesaikan sesuatu masalah yang melibatkan moraliti murid. Pengetahuan tentang teori dan falsafah moral juga membantu guru menganalisis sesuatu masalah atau konflik moral secara tepat berpaksikan hujah yang rasional, seperti yang ada dalam sesuatu teori, psikologi dan falsafah. Kemahiran ini boleh mendorong guru untuk menyusun idea secara sistematik khususnya dalam proses pengajaran. Pengajaran yang bertunjangkan teori moral, falsafah moral dan psikologi moral dapat meyakinkan dan menggilap jati diri moral murid (Barrow, 2007). Sebagai contoh teori "ethics of care" oleh Noddings (1995), yang memiliki ciri-ciri modelling, dialogue, practice dan confirmation dapat memberikan pengetahuan kepada guru untuk menerapkan nilai kasih sayang dan kepedulian dalam kalangan individu murid secara sedar.

Ada juga guru-guru novis yang tidak merujuk kepada dokumen kurikulum Pendidikan Moral iaitu DSKP (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran) Pendidikan Moral. Natijahnya, mereka sukar mendapat idea tentang strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang disarankan dalam DSKP seperti kaedah pembelajaran aktif, pembelajaran penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran khidmat masyarakat. Mereka langsung tidak menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang disarankan oleh DSKP. Mereka masih menggunakan kaedah pembelajaran mirip tradisional seperti perbincangan kumpulan, soal jawab dan kaedah penerangan dengan menggunakan nota melalui slaid *power point*.

4.2 Strategi Pengajaran dan Pembelajaran

Hasil kajian juga menunjukkan guru-guru novis mengamalkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran yang cikgu gunakan?

Guru: Saya banyak menggunakan kaedah sumbang saran dan perbincangan dalam kelas. Saya rasa kaedah pengajaran ini sesuai kerana ramai murid kelas saya tak boleh berbahasa Melayu. Mereka banyak menggunakan bahasa ibunda seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil untuk berkomunikasi sesama mereka. Saya perlu jelaskan satu-satu perkara dengan mengambil masa yang banyak. Ini menyebabkan saya terpaksa mengambil masa tiga atau empat minggu untuk menghabiskan satu-satu unit pengajaran dalam Buku Teks. [TB/GPM/Tg2/23].

Guru: Murid-murid di sekolah saya suka akan gerak kerja yang melibatkan "hands-on". Antara aktiviti "hands-on" yang saya lakukan di dalam kelas ialah meminta murid untuk membuat kad ucapan hari ibu, mereka cipta cenderamata daripada bahan terbuang, origami untuk hari guru, bekas epal

daripada botol terbuang untuk kawan dan lain-lain lagi yang ada dinyatakan dalam buku teks. Murid suka melakukan aktiviti ini di dalam kelas. [TB/GPM/Tg1/23].

Guru: Mereka akan memahami setiap perkara apabila guru dapat mendemonstrasikan kepada mereka. Sebagai contoh, kata "norma", itu sendiri perlu didemonstrasikan dalam bentuk lakonan atau tingkah laku. Baru murid faham sedikit. Nasib baik saya ada sedikit pengalaman lakonan melalui latihan Teater Forum dalam kursus Kaedah Pengajaran Pendidikan Moral di universiti. Saya gunakan pengetahuan itu dalam pengajaran di kelas. [TB/GPM/Tg2/23].

Guru: Saya tidak boleh mengajar seperti yang saya ajar semasa saya melaksanakan Latihan Mengajar dahulu. Sewaktu dalam Latihan Mengajar kami lebih tumpukan perhatian kepada aspek "pemahaman isi kandungan" dan "kosep moral" kepada pelajar. Di samping itu, kami mengutamakan penerapan nilai moral melalui aktiviti yang dilaksanakan. Latihan penilaian daripada Buku Teks akan diberikan kepada murid sebagai kerja rumah. Semua guru palatih akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan cara ini. [TB/GPM/Tg1/23].

Penyelidik: Kini, apa pula masalahnya?

Guru: Seorang guru senior Pendidikan Moral menegur saya untuk mempercepatkan cara pengajaran saya. Beliau menegur saya… untuk menghabiskan dua unit pengajaran dalam seminggu. Hal ini kerana, pelajar tingkatan empat akan menghadapi peperiksaan seperti ujian bulanan dan peperiksaan pertengahan tahun. Oleh itu, saya diminta untuk menghabiskan sukatan seberapa cepat yang boleh…Bukan sahaja guru…murid pun nak saya habiskan sukatan dengan cepat supaya mereka boleh prepare for exam…[TB/GPM/Tg4/23].

Guru: Satu lagi aspek penting dalam pengajaran yang ditekankan oleh sekolah ialah memberikan nota. Ramai pelajar tidak mahu saya gunakan buku teks untuk mengajar. Mereka lebih suka saya untuk menggunakan "nota ekspress" yang disediakan oleh guru panitia Pendidikan Moral. Mereka (khususnya murid kelas hadapan) lebih suka saya membincangkan soalan-soalan peperiksaan SPM daripada mengajar kandungan buku teks yang berusaha untuk menerapkan nilai dan mengembangkan dimensi emosi dan perlakuan murid. Hal ini juga menjadi dilema kepada saya. [TB/GPM/Tg4/23].

Hasil pemerhatian oleh penyelidik menunjukkan pengajaran guru-guru novis Pendidikan Moral lebih cenderung kepada pengajaran yang menerangkan fakta-fakta yang ada dalam satu-satu unit pengajaran. Sebagai contoh, dalam topik "Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika" (Pendidikan Moral, Unit 4, Tingkatan 4,2019), guru hanya menerangkan maksud etika, etika penggunaan teknologi maklumat, kepentingan menggunakan teknologi, cara penggunan teknologi dan sebagainya. Pengajaran guru lebih kepada memberikan fakta tentang bidang teknologi maklumat sahaja. Cara murid perlu menghayati teknologi maklumat secara bermoral atau beretika tidak diajar atau tidak didemonstrasikan oleh guru. Aktiviti untuk penerapan dan penghayatan nilai moral atau etika secara langsung tidak ada dalam pengajaran guru. Keseluruhan pengajaran dimulai dengan penerangan fakta dan diakhiri dengan soal jawab dan latihan yang meminta murid untuk menyenaraikan kembali fakta yang diajar oleh guru. [P/GPM/Tg4/23].

Selanjutnya, dari aspek kreativiti, guru-guru novis juga perlu lebih kreatif dalam memberikan aktiviti "hands-on" kepada murid. Ramai guru yang masih memberikan atau melaksanakan aktiviti yang sedia ada dalam buku teks sahaja. Guru novis perlu mencari idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif. Guru harus menjana idea inovasi untuk merangsang murid Pendidikan Moral mampu mereka cipta bahan-bahan yang lebih kreatif dan inovatif (Hagerman & Rundgren, 2022; Cropley, 2014).

Guru novis hanya menggunakan strategi pengajaran yang mudah dengan alasan murid dapat mengikuti pengajaran mereka. Kaedah pengajaran Pendidikan Moral yang inovatif seperti kaedah Perbincangan Dilema Moral Sebenar (Balakrishnan, 2023), Teater Forum (Thambu, 2020), Wayang Kulit Interaktif dan Teater Perbincangan Konflik Moral (Thambu et al., 2021), jarang digunakan oleh guru. Walhal, kaedah-kaedah inovatif ini dapat menerapkan nilai moral, pemikiran moral, emosi dan karakter secara langsung kepada murid. Keadaan bertambah rumit, apabila sekolah mendesak guru untuk menghabiskan sukatan secepat mungkin agar murid mempunyai ruang yang cukup bagi persiapan peperiksaan. Desakan ini bukan sahaja ada pada guru tetapi juga datang daripada murid. Mereka juga mahu guru mereka untuk mengajar teknik menjawab soalan-soalan peperiksaan.

Murid juga meminta guru untuk memberi dan membincangkan "nota ekspress" kerana ia penting untuk peperiksaan. Ternyata orientasi peperiksaan masih menjadi paksi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah, walaupun peperiksaan awam seperti UPSR dan PT3 dimansuhkan. Memang benar peperiksaan menjadi cara terbaik untuk menentukan pencapaian seseorang murid dalam sistem pendidikan kita. Dalam konteks ini, objektif untuk menerapkan elemen penaakulan moral (aspek kognitif) dapat dicapai melalui peperiksaan, namun elemen emosi moral dan perlakuan moral pula terabai, dan tidak dapat diuji melalui peperiksaan bertulis (Zhu, 2022). Dalam pada itu, murid Pendidikan Moral juga memberikan beberapa komen tentang strategi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru mereka. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Apa perbezaan guru baharu dengan guru lama anda?

Murid 4: Pada pandangan saya…Saya lebih suka guru mengajar menggunakan power pointlah. Kita boleh lihat gambar yang berwarna warni., dan nota pun cantik. Saya suka guru baharu Pendidikan Moral saya. Beliau lebih mesra murid dan suka bantu kami. Kami selalu ke bilik Alat Pandang Dengar (APD), kerana guru moral kami selalu mengajar menggunakan LCD. Saya suka belajar melalui LCD projector ini, sebab guru ada beri kami tonton video dan kartun animasi semasa mengajar. [TB/M/Tg4/23].

Penyelidik: Apakah kelebihan garu baharu anda?

Murid 5: Saya suka…sebab cikgu meminta kami mengadakan pembentangan di hadapan kelas. Saya suka teknik presentation…. Cikgu selalu minta kumpulan kami membentangkan isu-isu seperti "cara menghargai anugerah alam". Saya suka cara ini sebab ia beri peluang untuk kami bersuara…memberikan pendapat dan pandangan kami. [TB/M/Tg2/23].

Murid 2: Guru baharu kami juga banyak berikan pengajaran dengan cara lakonan. Kelas kami suka berlakon., ia selalu funlah…Sekarang semua murid kelas kami boleh berlakon…ada yang bawa pakaian untuk berlakon dari rumah mereka…cara macam ini tak boring…[TB/M/Tg3/23].

Murid 1: Kami suka pengajaran guru yang gunakan kuiz online., macam Kahoot! dan Quizziz. Cara kuiz macam ini saya suka, sebab kita boleh tengok siapa dapat nombor 1, nombor 2 dan nombor 3. Permainan macam ini baguslah., Lagipun cikgu suka bagi hadiah kepada yang menang kuiz dalam Kahoot! [TB/M/Tg1/23].

Murid 3: Guru lama dulu tidak bawa kami keluar dari kelas. Kami belajar di kelas saja. Dalam kelas dua kipas satu sudah rosak., panas. Kami belajar mata pelajaran Pendidikan Moral di dalam kelas saja. Banyak tulis nota dan cikgu banyak bercakap., Cikgu banyak bagi penerangan., asyik dengar cikgu cakap saja lama-lama *boring* juga. [TB/M/Tg3/23].

Nampaknya, guru-guru novis telah menukar cara memberikan nota iaitu bukan lagi menulis nota di papan putih tetapi memberikan nota melalui "*power point presentation*". Kaedah pengajaran ini masih mengutamakan "menerangkan" nota yang dipancar melalui *power point*. Kaedah pengajaran melalui penerangan ini pula menjejaskan pemahaman murid tentang satu-satu isu moral untuk difahami dengan lebih meluas. Kekurangan pemahaman ini pula menjejaskan penerapan satu-satu nilai moral ke dalam hati sanubari mereka. Halangan kepada penerapan nilai moral menyebabkan murid tidak dapat menghayati dan membatinkan nilai moral sebagai amalan hidup (Emler, 1996).

Satu lagi aspek yang perlu diberikan perhatian oleh guru-guru novis ialah aspek integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Guru-guru novis perlu mempelbagaikan penggunaan ICT dan tidak terhad kepada menyediakan nota pengajaran melalui salaid powerpoint sahaja. Mereka perlu lebih kreatif dengan mengintegrasikan pelbagai permainan dalam talian (game-based learning) khususnya dalam bahagian penilaian dan pentaksiran selepas tamat satu-satu topik pengajaran. Aktiviti begini dapat menarik perhatian murid.

Dalam pada itu, guru-guru novis juga, perlu meningkatkan kecekapan mengajar dengan mempelbagaikan cara pengajaran yang mementingkan demonstrasi, *hands-on*, lakonan dan pembentangan yang diminati oleh murid. Ternyata pendekatan yang berpusatkan murid (*student centered*) harus ditingkatkan oleh guru novis.

4.3 Bahan Bantu Mengajar

Bahan Bantu Mengaja (BBM) yang digunakan oleh guru-guru novis juga masih terhad kepada nota dan buku teks. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Apakah bahan bantuan mengajar yang cikgu gunakan?

Guru: Bahan bantu mengajar yang saya gunakan ialah Buku Teks Pendidikan Moral. Saya rasa kandungan buku teks ini lengkap dan cukup. Kandungan buku teks ini akan saya gunakan untuk membuat nota dalam slaid power point. Saya kemudia mengajar di kelas dengan menggunakan nota yang disiapkan melalui power point ini. [TB/GPM/Tg3/23].

Guru: Saya akan menerangkan kandungan buku teks kepada murid. Setiap murid akan mendengar dan memahami penerangan guru. Mereka dibenarkan tanya soalan jika mereka tak faham. Saya juga akan adakan kuiz untuk mengetahui pemahaman mereka tentang topik yang diajar. Selepas tamat pengajaran, saya berikan mereka soalan-soalan latihan untuk disiapkan di rumah. [TB/GPM/Tg4/23].

Guru-guru novis juga hanya menggunakan kandungan dalam buku teks Pendidikan Moral secara "bulat-bulat" untuk diajar kepada murid. Guru tidak menggunakan bahan-bahan tambahan daripada sumber-sumber lain sebagai bahan sokongan untuk menjelaskan fakta yang ada dalam buku teks. Guru hanya mengambil fakta-fakta moral dan dibentangkan kepada murid dalam bentuk *power point* sahaja. Kaedah tradisional "*chalk and talk*" digantikan dengan nota persembahan *power point*. Guru-guru membacakan *power point* tersebut kepada murid, dengan anggapan bahawa mereka sudah memahami topik yang diajar. Cara pengajaran ini tidak dapat menerapkan nilai dan mengembangkan elemen penaakulan, emosi dan perlakuan.

Aktiviti untuk memindahkan maklumat daripada buku teks ke dalam bentuk *power point* dan membaca serta menerangkan nota ini kepada murid masih dilaksanakan oleh guru. Aktiviti untuk menerapkan nilai moral serta aktiviti untuk memperkukuh aspek emosi dan tingkah laku moral masih kurang dilaksanakan di dalam atau di luar kelas. Guru-guru novis perlu meningkatkan kecekapan dalam mengadakan aktiviti dan teknik pengajaran yang boleh memberikan ruang kepada murid untuk menghayati dan menerapkan nilai moral, elemen emosi, empati, dan tingkah laku moral agar mereka boleh membentuk karakter individu.

4.4 Penguasaan Bahasa Murid

Isu penguasaan bahasa oleh murid sekolah kerajaan masih berleluasa. Ramai yang masih tidak mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik. Rujuk temu bual berikut:

Guru: Ah…ini sekolah luar bandar. Ada masalah bahasa. Bagi saya, istilah-istilah yang digunakan dalam Buku Teks terlalu "tinggi" untuk difahami oleh murid-murid tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Ah…sebabnya ramai murid Pendidikan Moral tidak pandai membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia. Kita nak mengajar pun susah…sebab dia orang tak faham bahasa Malaysia. Semasa mengajar, saya selalu minta murid lain atau kawannya untuk translate dalam bahasa Tamil atau bahasa Cina. Cikgu opsyen moral pun susah nak mengajar Pendidikan Moral di sekolah sebab murid tidak pandai bahasa Malaysia. Apa yang kita belajar di universiti dengan realiti di sekolah memang berbeza sangat… [TB/GPM/Tg1/23].

Guru: Saya baru posting di sekolah ini. Ini sekolah di bandar. Sekolah ini pula mempunyai masalah bahasa… di mana semua murid menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi mereka. Mereka juga tidak faham dan petah bercakap dalam bahasa Melayu. Ini menjadi masalah kepada saya untuk mengajar Pendidikan Moral. Misalnya, mereka tidak faham kata-kata bahasa Melayu yang ada dalam buku teks seperti "jati diri', "sejagat", "berbudi pekerti", "pemacu", "peneraju", dan lain-lain lagi…[TB/GPM/Tg1/23].

Ternyata, penguasaan bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid sekolah luar bandar juga menjadi satu cabaran yang perlu ditangani oleh guru novis. Murid sekolah di bandar yang mahir menggunakan bahasa Inggris juga tidak pandai berbahasa Melayu. Guru novis harus berbincang dengan pentadbir sekolah untuk menyelesaikan masalah ini. Klinik bahasa yang sudah lama wujud di setiap sekolah perlu diaktifkan semula. Penguasaan bahasa Melayu menjadi asas kepada penguasaan ilmu moral dan paksi kepada penerapan nilai moral dalam membina insan manusia yang holistik. Pada pandangan saya, sudah tiba masanya guru-guru novis Pendidikan Moral perlu meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris mereka dalam manangani murid-murid sekolah di bandar. Slogan "memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkukuh Bahasa Inggeris" harus direnungkan oleh guru novis.

4.5 Kemudahan Prasarana

Kekurangan kemudahan prasarana seperti *LCD projector* dan bilik multimedia juga menjadi kekangan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang baik. Ada juga sekolah yang masih tidak mempunyai kemudahan internet dan banyak juga alat-alat ICT rosak dan tidak berfungsi. Rujuk temu bual berikut:

Guru: Murid memang suka keluar daripada bilik darjah untuk belajar Pendidikan Moral. Saya pun suka mengajar menggunakan LCD projector dan slaid power point. Namun masalahnya ialah, di sekolah ini tiada bilik Tayangan Multimedia yang khusus. Oleh itu pengajaran Pendidikan Moral masih dilaksanakan di bilik darjah…dan kadang kala saya bawa mereka ke luar seperti ke dewan sekolah untuk mengajar. Saya rasa perubahan tempat seperti ini dapat mengaktifkan minda pelajar untuk memberikan tumpuan kepada pengajaran guru. [TB/GPM/Tg1/23].

Guru: Murid memang suka pengajaran guru yang menggunakan LCD projector. Di sekolah ini pula, LCD hanya ada di makmal sains. Kami terpaksa berebut untuk menggunakan makmal sains yang ada kemudahan LCD projector. Setiap guru perlu berebut untuk menggunakan makmal sains selain guru sains. Kami perlu membuat tempahan awal bilik sains jika nak gunakan. Saya jarang mendapat kesempatan untuk menggunakan makmal sains yang ada kemudahan LCD projector. Saya mengajar di kelas saja. Lagipun, pencapaian kemudahan internet di sekolah ini juga terhad, dan kita boleh akses internet di makmal sains sahaja. Di bilik darjah tak ada internet. [TB/GPM/Tg2/23].

Murid 2: Ehmm., Guru ini baru mengajar kami tahun ini. Ah…apa ya. Ya guru moral mengajar gunakan power point. Cikgu mengajar dan terangkan nota itu melalui power point. Kami diberi masa dan diminta salin nota yang ada dalam power point itu. Ada juga gambar-gambar cantik. Ada juga video ditayangkan kepada kami. Video itu ok., lah. Tapi semua guru sekarang gunakan power point…macam boring sikit…selalu power point pun tak bolehlah…[TB/M/Tg2/23].

Ramai juga murid, khususnya murid di sekolah-sekolah luar bandar suka akan pengajaran guru yang menggunakan projector LCD melalui pembentangan slaid power point. Ramai mengaku ia akan menarik minat murid. Namun,

kekangan seperti tiadanya bilik APD (Alat Pandang Dengar), kemudahan pencapaian internet dan kekangan dalam merebut bilik-bilik makmal sains yang ada kemudahan LCD juga menjadi satu masalah kepada guru-guru novis ini dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara aktif dengan menggunakan LCD projector. Kajian oleh Kleickmann et al. (2016), menunjukkan pencapaian murid banyak bergantung kepada kualiti pengajaran di bilik darjah.

Sekolah-sekolah di bandar pula, lengkap dengan kemudahan LCD projector di setiap makmal sains. Mereka juga ada bilik khas multimedia yang dilengkapi dengan *LCD projector*. Guru-guru pula selalu mengajar dengan menggunkan *LCD* dan nota pula diberikan melalui *power point*. Namun, pengajaran menggunakan *LCD* secara kerap pula meninggalkan kesan seperti murid tidak berminat terhadap pengajaran guru. Oleh itu, guru novis harus selang-selikan pengajaran yang menggunakan *LCD* dan juga secara konvensional secara bijak.

4.6 Guru Bukan Opsyen

Ramai juga guru novis yang mengajar subjek Pendidikan Moral bukan guru opsyen Pendidikan Moral. Mereka tidak mendapat latihan sebagai guru Pendidikan Moral di universiti atau di Bahagian Pendidikan Guru. Akibatnya, mereka juga tidak mampu menguasai kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini juga menjejaskan kualiti pengajaran mereka, kerana ia berkaitan juga dengan semangat mengajar. Rujuk temu bual berikut:

Guru: Saya bukan optionist Pendidikan Moral. Ini tahun keempat saya di sekolah ini. Tahun ini saya diberikan tugas untuk mengajar Pendidikan Moral untuk mencukupkan waktu pengajaran saya iaitu 32 waktu seminggu. Saya memang tak tahu menahu tentang subjek Pendidikan Moral. Saya terpaksa ajar…kena baca balik Buku Teks Pendidikan Moral sebelum masuk kelas. Saya kena mengajarlah… kan? [TB/M/Tg2/23].

Guru: Saya bukan guru opsyen Pendidikan Moral. Oleh sebab guru Pendidikan Moral tingkatan empat sudah pindah, saya terpaksa mengajar. Semangat mengajar saya agak downlah kerana mengajar subjek yang bukan pilihan kita., kan? Saya tengok kandungan Buku Teks Tingkatan 4 agak baik. Kandungan ini tak tahu boleh difahami atau tidak oleh pelajar kelas hujung! [TB/M/Tg4/23].

Guru: Sebagai guru bukan opsyen…saya tak tahu sampai bila saya akan mengajar subjek Pendidikan Moral. Dua tahun yang lepas saya tak mengajar subjek ini. Tahun ini saya diminta mengajar. Oleh sebab ia tak menentu, saya pun tiada semangat untuk mendalami subjek ini. Saya pun tiada semangat untuk menguasai kandungan mata pelajaran dan pedagogi pengajaran yang sesuai untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Mungkin tahun depan saya tak mengajar moral… [TB/M/Tg3/23].

Isu guru bukan opsyen sebagai guru Pendidikan Moral masih wujud di sekolah-sekolah kerajaan. Subjek Pendidikan Moral diajar sekadar untuk mencukupkan waktu dan meminta sesiapa sahaja guru bukan opsyen untuk mengajar Pendidikan Moral adalah senario yang biasa di sekolah. Hal ini juga sedikit sebanyak menjejaskan kualiti pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Guru bukan opsyen, tidak begitu yakin untuk mengajar, tidak cekap dan malahan tidak menunjukkan semangat untuk menguasai kandungan mata pelajaran serta pedagogi pengajaran yang sesuai untuk mengajar subjek Pendidikan Moral. Senario ini juga akan memberi kesan negatif kepada pemahaman dan pencapaian murid dalam pentaksiran individu. Menurut, Fauth et al. (2019), kepercayaan guru tentang pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam pencapaian murid. Selain itu ia juga memberikan kesan dalam membentuk insan murid yang bermoral.

4.7 Masalah Penempatan Guru

Satu lagi masalah yang berpanjangan di sekolah harian kerajaan ialah isu penempatan guru. Isu penempatan guru-guru bukan opsyen Pendidikan Moral di sekolah yang tiada guru terlatih Pendidikan Moral dan menempatkan guru terlatih Pendidikan Moral di sekolah yang sudah ada guru opsyen terlatih Pendidikan Moral juga masih menjadi-jadi. Rujuk temu bual berikut:

Guru: Saya guru opsyen Pendidikan Moral. Saya mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral daripada universiti. Bila saya sampai ke sekolah ini, saya dapati sudah ada 3 orang guru opsyen Pendidikan Moral yang sudah mengajar mata pelajaran ini. Saya pula diminta mengajar subjek lain iaitu bahasa Inggeris dan Sejarah untuk Tingkatan 1. Saya difahamkan di sekolah jiran tiada guru opsyen Pendidikan Moral. Saya cuba mohon bertukar ke sekolah itu, tetapi tak berjaya, sebab saya baru *posting*. [TB/M/Tg3/23].

Ternyata, lambakan guru terlatih Pendidikan Moral pula menyebabkan kerugian kepada bidang Pendidikan Moral kerana, guru moral terlatih yang berlebihan di sesebuah sekolah diminta untuk mengajar subjek lain seperti bahasa Inggeris, Sejarah dan Matamatik. Masalah penempatan guru novis terlatih ke sekolah tanpa bancian dan perancangan yang betul dan tepat menyebabkan dua keadaan yang ekstrim iaitu masalah lambakan guru opsyen Pendidikan Moral dan masalah kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral. Faktor ini juga perlu ditangani khususnya dalam mengekalkan

pencapaian murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan secara amnya untuk perkembangan moral dan sahsiah yang matang dalam kalangan murid.

5. Kesimpulan

Walaupun aspek kurikulum diubah daripada KBSM kepada KSSM dan DSKP serta buku teks ditulis dengan baik, namun aspek pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral di sekolah masih menjadi isu. Guru novis perlu meningkatkan kecekapan dalam menguasai kandungan Buku Teks dan pedagogi pengajaran yang menjurus kepada pengajaran abad ke-21. Mereka perlu lebih peka dan prihatin akan kehendak generasi kini, penggunaan BBM, psikologi mereka dan keupayaan daya tumpuan murid di kelas agar guru novis dapat merancang satu pengajaran Pendidikan Moral yang bermakna. Sikap guru novis yang positif dan proaktif masih menjadi tunjang dalam kejayaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Dalam pada itu, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan juga perlu memberikan tumpuan kepada masalah penempatan guru opsyen Pendidikan Moral, penyediaan kemudahan peralatan ICT di sekolah dan isu murid kurang menguasai bahasa Melayu. Permasalahan ini perlu ditangani segera kerana pencapaian murid dalam akhlak dan akademik bukan sahaja bergantung kepada kompetensi guru tetapi juga kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah.

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan penulis dan organisasi yang harta inteleknya digunakan untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

Alexander, R. (2013). *Essays on pedagogy*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9780203609309

Alexander, R. (2004). Still no pedagogy? Principle, pragmatism and compliance in primary education. *Cambridge Journal of education*, *34*(1), 7-33. https://doi.org/10.1080/0305764042000183106

Archer, A., & Hughes, C. A. (2011). Explicit instruction: Efficient and effective teaching. *New York, NY: Guilford Publications*.

Balakrishnan, V. (2023). *Pendidikan moral di Malaysia: satu refleksi*. Universiti Malaya.

Barrow, R. (2007). *An introduction to moral philosophy and moral education*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9780203946220

Boharim, M. M. M., & Wahab, J. L. A. (2023). Strategi Sokongan Perubahan Untuk Mengatasi Tekanan Emosi Guru Novis di Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *8*(4), e002260-e002260. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2260

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, *3*(2), 77-101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Cornelius-White, J. (2007). Learner-centered teacher-student relationships are effective: A meta-analysis. *Review of educational research*, *77*(1), 113-143. https://doi.org/10.3102/003465430298563

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.

Cropley, A. (2014). Neglect of creativity in education: A moral issue. In *The ethics of creativity* (pp. 250-264). London: Palgrave Macmillan UK. https://doi.org/10.1057/9781137333544_15

Ebert, E. S., & Culyer, R. C. (2014). *School: An introduction to education.* (3rd Eds.). Wadsworth, USA: Cengage Learning.

Emler, N. (1996). How can we decide whether Moral Education works? *Journal of Moral Education*, *25*(1), 117–126. https://doi.org/10.1080/0305724960250113

Fauth, B., Decristan, J., Decker, A. T., Büttner, G., Hardy, I., Klieme, E., & Kunter, M. (2019). The effects of teacher competence on student outcomes in elementary science education: The mediating role of teaching quality. *Teaching and teacher education*, *86*, 102882. https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102882

Fielstein, L., & Phelps, P. H. (2001). *Introduction to teaching: Rewards and realities*. Cengage Learning.

Gage, N. L. (1985). Hard Gains in the Soft Sciences: The Case of Pedagogy. Bloomington, IN: Centre on Evaluation, Development, and Research.

Goh, P. S. C., Yusuf, Q., & Wong, K. T. (2017). Lived Experience: Perceptions of Competency of Novice Teachers. *International Journal of Instruction*, *10*(1), 21-36.

Hagerman, F., & Rundgren, S. N. C. (2022). A Literature Review on Teaching Ethical Creativity in Primary Education. *Multidisciplinary Journal of School Education*, *11*(2 (22)), 235-250. https://doi.org/10.35765//mjse.2022.1122.11

Hassan, H. G., & Shkak, J. (2020). *Teacher competence.* https://doi.org/10.13140/RG.2.2.26969.95848

Hassan, M. A. A., & Musa, K. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, *9*(2), 37-45.

Hickman, R. (2011). *The art and craft of pedagogy: Portraits of effective teachers*. Bloomsbury Publishing.

Hisham, N. F. A. B., & Kutty, F. M. (2021). Hubungan antara tahap penglibatan guru novis di negeri melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *6*(7), 246-257. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.855

Kasim, T. S. A. T., & Abdurajak, F. S. (2018). Issue and challenges in teaching and learning: An analysis of Islamic education novice teachers' practices. *International journal of education, psychology and counseling*, *3*(12), 99-109.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2020). Standard Guru Malaysia 2.0. https://bukuteksdigital.my/standard-guru-malaysia-sgm-2-0/

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah Pendidikan Moral: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2017). *Kurikulum standard sekolah menengah Pendidikan Moral: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 3*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2016). *Kurikulum standard sekolah menengah Pendidikan Moral: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 2*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2015). *Kurikulum standard sekolah menengah Pendidikan Moral: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 1*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kleickmann, T., Tröbst, S., Jonen, A., Vehmeyer, J., & Möller, K. (2016). The effects of expert scaffolding in elementary science professional development on teachers' beliefs and motivations, instructional practices, and student achievement. *Journal of educational psychology*, *108*(1), 21-42. https://doi.org/10.1037/edu0000041

Kunter, M., Klusmann, U., Baumert, J., Richter, D., Voss, T., & Hachfeld, A. (2013). Professional competence of teachers: effects on instructional quality and student development. *Journal of educational psychology*, *105*(3), 805-820.

Lusted, D. (1986). Why pedagogy?. *Screen*, *27*(5), 2-16. https://doi.org/10.1093/screen/27.5.2

Makhsin, M., Ping, T. Y., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and counselling (IJEPC)*, *7*(46), 1-20.

Marzano, R. J. (2007). *The art and science of teaching: A comprehensive framework for effective instruction*. Ascd.

Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H. A., & Muis, A. M. R. (2019). Falsafah Pendidikan Islam merentas kurikulum alaf ke-21. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-2*, *11*, 94-105.

Moore, K. D. (2014). *Effective instructional strategies: From theory to practice*. Sage Publications.

Moore, J., & Whitfield, V. F. (2008). Musing: A way to inform and inspire pedagogy through self-reflection. *The Reading Teacher*, *61*(7), 586-588. https://doi.org/10.1598/RT.61.7.10

Moore, K. D. (1995). Classroom teaching skills (5th Eds.). New York: McGraw-Hill.

Noddings, N. (1995). A morally defensible mission for schools in the 21st century. *The Phi Delta Kappan*, *76*(5), 365-368.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013). Kementerian Pendidikan Malaysia. https://jpwpp.moe.gov.my/putrajaya/ 2013-2025

Passi, B. K., & Mishra, S. (2004). Selecting research areas and research design approaches in distance education: Process issues. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, *5*(3), 1-11. https://doi.org/10.19173/irrodl.v5i3.203

Puteh, A. (2016). *Profesion keguruan: Peranan etika kerja dalam mendisiplinkan pelajar*. Universiti Utara Malaysia Press.

Richards, L., & Morse, J. M. (2012). *README FIRST for a User' s Guide to Qualitative Methods*. Sage publications.

Sulaiman, E. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Penerbit UTM.

Thambu, N., Rhapor, A. A., & Sukadari. (2021). Teater perbincangan dilema Moral: pendekatan transformatif dalam melaksanakan kandungan kurikulum buku teks Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, *5*(3), 1-17. https://doi.org/10.33306/mjssh/134

Thambu, N. (2020). Teater Forum Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan Pendidikan Moral. *Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris*.

Wenglinsky, H. (2002). The link between teacher classroom practices and student academic performance. *Education policy analysis archives*, *10*, 12-12. https://doi.org/10.14507/epaa.v10n12.2002

White, W. A. (1988). A meta-analysis of the effects of direct instruction in special education. *Education and Treatment of children*, 364-374.

Yeh, S. S. (2007). The cost-effectiveness of five policies for improving student achievement. *American Journal of Evaluation*, *28*(4), 416-436. https://doi.org/10.1177/1098214007307928

Zamri, N. B. M., & Hamzah, M. I. B. (2019). Teachers' competency in implementation of classroom assessment in learning. *Creative Education*, *10*(12), 2939-2946. https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012218

Zhu, R. (2022). Research on the evaluation of moral education effectiveness and student behavior in universities under the environment of big data. *Computational Intelligence and Neuroscience*, *2022*(1), 2832661. https://doi.org/10.1155/2022/2832661